

**ANALISIS METAFORA KONSEPSI KEMULIAAN MANUSIA DALAM SYAIR NASIHAT  
NUKILAN SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE - 28 : PERSPEKTIF AWALAN  
SEMANTIK KOGNITIF**

**Aini Hj Karim**

*Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam*  
[aini.karim@ubd.edu.bn](mailto:aini.karim@ubd.edu.bn)

**Muhamad Fadzillah Hj Zaini**

*Universiti Teknologi MARA, Selangor, Malaysia*  
[muhamadfadzillahhjzaini@gmail.com](mailto:muhamadfadzillahhjzaini@gmail.com)

*Kajian linguistik dan sastera merupakan salah satu bidang baharu. Kajian ini bertujuan meneliti metafora sifat manusia dalam Syair Nasihat hasil nukilan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien. Metafora manusia yang memberi gambaran jelas kepada peranan dan fungsi setiap anugerah istimewa Allah SWT kepada manusia, akal dan anggota badan bersekali dengan intelektual (ilmu pengetahuan). Perkara ini membezakan manusia dengan makhluk yang lain. Allah SWT telah mencipta manusia dengan kemuliaan. Berdasarkan Syair Nasihat ini, penulis menekankan beberapa perkara mengenai metafora kemuliaan manusia iaitu akal, mata, mulut, hidung, tangan, kaki, dan tertib hidup yang dapat membawa manusia mencapai kemuliaan hakiki sebagai khalifah di muka bumi. Syair Nasihat merupakan salah satu syair yang memerikan teladan manusia secara tidak langsung. Kajian ini menggunakan garapan Teori Metafora Konsepsi yang diperkenalkan oleh Lakoff (1993). Setiap analisis dijelaskan menerusi pandangan semantik kognitif. Teori ini membentuk pemetaan yang abstrak kepada konkrit bagi mendapatkan metafora konsepsi terhadap data yang dianalisis. Sekilas, semantik kognitif merupakan pendekatan yang bertunjangkan pengalaman lampau dan persekitaran semula jadi. Oleh hal demikian, kajian ini dibuat berdasarkan landasan semantik kognitif digarapkan dengan data sastera yang akan memerikan konseptualisasi metafora kemuliaan manusia terhadap bait syair yang dizahirkan.*

**Kata kunci:** Semantik, Metafora Konsepsi, Manusia, Kognitif, Kemuliaan.

*The study of linguistics and literature is one of the new areas. This study examines the metaphor of human nature in her work with Syair Nasihat by Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien. Human metaphor that gives a clear picture of the role and function of every privilege of God to man, the mind and the body together with the intellectual (knowledge). This distinguishes humans with other creatures. God has created human beings with dignity. Based on the poem, the author emphasizes some things about the metaphorical sense of human dignity, eyes, mouth, nose, hands, feet, and orderly life that can bring people achieve ultimate glory as inheritors of the earth. This poem is describing indirect exemplary human being. This study used a Conception Metaphor Theory introduced by Lakoff (1993). Each analysis is described through the eyes of cognitive semantics. This theory forms the mapping of the abstract to the concrete metaphor for the conception of the analyzed data. At first glance, cognitive semantics is an approach that is rooted in past experience and the natural environment. As such, this study was based on a platform of cognitive semantics wrought with literature data that would describe the metaphorical conceptualization of human dignity against poetry disclosed.*

**Keywords:** Semantic, Conception Metaphor, Human, Cognitive, Dignity.

## Pengenalan

Syair merupakan salah satu bahan sastera yang bersejarah dan bukan direka hanya memenuhi nilai bahasa, namun diterapkan kebenaran yang semula jadi dalam kehidupan manusia. Bidang sastera dan linguistik selalunya dianggap berbeza, namun terdapat keperluan antara kedua-dua bidang. Dalam kajian ini, pengkaji melihat dan meneliti data menerusi kajian semantik yang memerikan makna melalui metafora yang dikaji. Oleh hal demikian pengkaji dapat melihat pemikiran Melayu dalam menzahirkan makna yang disampaikan. Menurut Hassan Ahmad (2003:1), kita tidak dapat melihat apakah yang terjadi dalam otak manusia apabila berfikir, jadi timbul pelbagai persoalan dalam menjelaskan dan memahami akal fikiran Melayu yang mencipta makna yang abstrak dan tidak bersifat harfiah. Oleh itu dengan satu caranya ialah mengkaji metafora yang digunakan dalam teks-teks Melayu.

Haji Kasim Hj Omar (2009) menyatakan penulisan syair di Negara Brunei Darussalam sudah lama wujud. Terdapat pelbagai syair yang dizahirkan oleh penulis seperti *Syair Awang Semaun*, *Syair Rakis* dan *Syair Dang Rokam*. Selari dengan perkembangan penulisan syair di Negara Brunei Darussalam telah mengetengahkan bakat penulis elit diraja, iaitu Muda Omar 'Ali Saifuddien atau nama penuh baginda Sultan Hj Omar 'Ali Saifuddien (*Selepas ini disebut MOAS*). Baginda banyak menulis syair yang mengikut tema dan bentuk. Antaranya *Syair Nasihat* telah dicetak sekitar tahun 1960 dan ia ditulis dalam lingkungan tahun 50-an. Syair ini memerihalkan teladan kemanusiaan yang disampaikan secara terus melalui syair oleh MOAS .

Menurut Muhammad Yusoff Hashim (1992:59, dalam Haji Kasim, 2009:38), keistimewaan MOAS ialah kebanyakan hasil karya ditulis ketika baginda masih lagi memerintah menjadi raja dan merupakan hasil yang unik. MOAS menzahirkan syair melalui pengalaman secara langsung yang menekankan aspek didikan nilai keislaman. Berdasarkan penceritaan melalui teladan manusia ini, MOAS menzahirkan sifat kemuliaan manusia menerusi syair. Kemuliaan manusia itu bergantung kepada rohani, jasmani, fizikal dan intelek. Metafora yang digunakan dalam syair ini mewujudkan satu komunikasi tidak langsung dalam menyampaikan pesanan.

Zaba (1934; 2002) mentakrifkan metafora Melayu ialah ‘peribahasa yang menyebut sesuatu maksud dengan diumpamakan atau dikiaskan kepada sesuatu perkara lain dan menghasilkan dua makna’. Hal ini memberikan cerminan kepada makna yang ingin disampaikan. Oleh itu, kewajaran kajian ini dilihat penting bagi memetakan semantik yang terdapat dalam *Syair Nasihat* supaya jelas dan difahami oleh masyarakat. Penggunaan teori metafora konsepsi menjelaskan bagaimana proses aliran makna itu disampaikan hingga membentuk konseptualisasi yang memaparkan kognitif penulis. Apa yang boleh ditafsirkan oleh semantik kognitif berbeza dengan bidang yang mendalam psikologi. Perbezaan ini tampak menarik apabila ruang pemikiran Melayu diisi dengan “idea”, atau, “tanggapan”, “pandangan”, dan, “rasa hati” yang datang daripada sumber empirikal (pengalaman dan pemerhatian inderawi), dari akal yang rasional, dari daya imaginasi yang kreatif dan dari kaedah metafizik.

Kajian ini telah menfokuskan kepada sifat manusia yang telah diutarakan dalam *Syair Nasihat* ini. Sifat ini diklasifikasikan sebagai kemuliaan manusia yang berbeza dengan makhluk ciptaan Allah S.W.T. yang lain. Penulis syair ini Muda Omar ‘Ali Saifuddien (MOAS) atau Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien telah membentuk pelbagai tauladan dan pengajaran menerusi rangkap syair yang menceritakan kemuliaan seorang manusia. Syair yang dibentuk oleh baginda ini mempunyai tautan yang amat rapat dalam menyampaikan segala nasihat. Secara keseluruhan, kajian ini merupakan salah satu langkah dalam memberi kefahaman makna terhadap *Syair Nasihat* menerusi mesej yang disampaikan oleh baginda Muda Omar ‘Ali Saifuddien.

### **Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini merupakan lanjutan daripada kajian Hj Kasim Haji Omar (2009:4), meneliti kelangsungan tentang pemikiran Muda Omar ‘Ali Saifuddien yang terdapat dalam teks *Syair Nasihat*. Kajian tersebut telah meneliti ketokohan baginda sebagai penyair Diraja dan diangkat sebagai tokoh pemikir Islam yang menerapkan idea autentik melalui karya baginda. Di samping itu, kebanyakan kajian terdahulu meneliti syair daripada perspektif sejarah, kemanusiaan, budaya dan pemikiran seperti kajian Yura Halim (2002), Haji Hashim (1999), Haji Abdul Latif (2002), dan Aminah Haji Momin (2001). Bertitik tolak daripada ini, pengkaji telah mempelbagaikan kajian sastera kepada semantik kognitif bagi meneliti kesejagatan makna secara metafora konsepsi berdasarkan kemuliaan manusia dalam *Syair Nasihat* yang telah ditonjolkan secara tersirat oleh penyair Diraja ini. Hassan Ahmad (2003) menekankan struktur kognitif yang berlaku dalam minda pemikir Melayu melalui dua proses kognitif yang mampu menjelaskan tahap penglahiran makna yang hendak disampaikan. Makna dan pemikiran tidak boleh lari dengan meneliti semantik kognitif. Kognitif seseorang penulis mampu diungkap melalui penggunaan metafora yang digubah dalam sesuatu ayat maupun frasa. Oleh itu, Kemuliaan manusia yang diungkapkan oleh pengkaji melalui peranan serta kefungsian rohani, jasmani, fizikal dan intelek yang diselaraskan dengan kepenggunaan metafora secara tersirat dalam syair ini.

### **Objektif Kajian**

Dalam kajian ini mempunyai dua objektif utama sebagai landasan

- i) Mengenal pasti metafora kemuliaan manusia dalam *Syair Nasihat*.
- ii) Menganalisis metafora kemuliaan manusia dalam *Syair Nasihat* berdasarkan Teori Metafora Konsepsi.

### Kajian Lepas

Kajian ini telah merujuk beberapa kajian lepas sebagai panduan. Dalam menentukan kajian lepas yang diperlukan sebagai rujukan kajian ini, pengkaji telah membahagikan kepada dua perkara iaitu kajian berdasarkan teori metafora konsepsi, dan kajian terhadap syair atau puisi.

Kajian berdasarkan Teori Metafora Konsepsi telah merujuk Rozaimah Rashidin (2015), Hishamudin Isam dan Norsimah Mat Awal (2014), Ruzanna Md. Ruslan dan Rozaimah Rashidin (2014). Ketiga-tiga kajian ini telah menggunakan teori ini sebagai landasan utama. Teori ini diaplikasikan dalam teks tradisional bagi mengkaji kepelbagaian dan kesejagatan metafora. Metafora konsepsi membantu dalam menjelaskan proses hubungan metafora melalui pembentukan domain sumber dan sasaran. Kebanyakan teks tradisional memerikan domain sumber (konkrit) kepada domain sasaran (abstrak). Namun berdasarkan *Syair Nasihat*, keperluan abstrak dipacarkan kepada konkrit kerana kesejagatan dan kepelbagaian makna yang disampaikan mengikut baris syair. Bertepatan daripada itu, proses pembentukkan domain akan memerikan konseptualisasi berdasarkan data kajian. Proses ini menggunakan pendekatan semantik kognitif yang bergantung kepada persekitaran kognitif dan pengalaman badaniah serta perbezaan pengalaman, budaya dan adat resam telah mewujudkan kepelbagaian metafora.

Seterusnya, kajian lepas berdasarkan syair oleh Haji Kasim Haji Omar (2009) dalam kajian *Pemikiran Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dalam Syair Nasihat*. Dalam kajian ini Haji Kasim Haji Omar telah meneliti pemikiran Muda Omar 'Ali Saifuddien (MOAS) menerusi *Syair Nasihat* nukilan baginda. Syair tersebut telah memaparkan pemikiran baginda terhadap Agama, ilmu, ketatanegaraan, keadilan dan persaudaraan dirinci. Pemikiran yang dizahirkan telah mengetengahkan baginda sebagai intelektual dan tokoh elit dalam sastera Melayu Brunei. Pemikiran melalui pesanan yang berharga bukan sahaja kepada putera puteri baginda, malah ditujukan juga kepada rakyat jelata. Pemikiran ini menjadi titik tolak kepada hakikat kehidupan manusia yang menjadi pegangan kepada Allah SWT dan hubungan sesama manusia.

Di samping itu, menerusi kajian Hashim Hj Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi dan Siti Sarah Ab Karim (2012) dalam kajian Hati Budi Melayu : Kajian Keperibadian Sosial Melayu Ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang yang telah meneliti dan usaha dalam pemupukan kembali 26 teras hati budi Melayu menerusi puisi tradisional yang memberi gambaran jelas terhadap sifat orang Melayu. Puisi Melayu lama merupakan bentuk bahasa yang diolah secara berentak dan berirama dengan pemilihan kata yang memikat hati budi sehingga menjadi ingatan pendengar. Berdasarkan puisi Melayu lama, iaitu gurindam, syair, simpulan bahasa, pepatah dan pantun Melayu yang telah memerikan nilai-nilai murni dalam budi bahasa, budi pekerti dan budi bicara maka mengunjurkan beberapa teras hati budi Melayu. 26 teras hati budi ini merupakan nilai yang sama dan boleh dibentuk menerusi kajian ini dengan menggunakan Teori Metafora Konsepsi seterusnya membentuk konseptual kemuliaan manusia melalui *Syair Nasihat*.

Oleh hal demikian, kesemua kajian ini merupakan rujukan penting. Segala keperluan, pengalaman, nilai yang dizahirkan melalui syair dapat membentuk satu metafora konsepsi dalam menyampaikan makna melalui semantik kognitif manusia.


### Data dan Kerangka Teoretis

Data sastera yang diperolehi daripada *Syair Nasihat* nukilan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien. Syair Nasihat ini mempunyai 387 rangkap dan mengandungi 53 muka surat pada edisi pertama dalam tulisan Rumi dicetak oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada 1994. Menerusi kajian ini pengkaji menggunakan edisi kedua cetakan

kedua 2014 yang mengandungi 32 muka surat (termasuk glosari). Untuk kajian ini sebanyak 22 rangkap syair diambil menerusi penyampaian rangkap kemuliaan manusia. Kajian metafora ini difokuskan kemuliaan manusia yang diceritakan melalui bait syair ini. Kemuliaan manusia itu terbentuk melalui kesempurnaan anggota badan secara rohani, jasmani dan fizikal manusia. Rangkap tersebut memberi penekanan kepada keperluan setiap anugerah ilahi. Kajian ini menggunakan pendekatan semantik kognitif yang bertunjangan pengalaman lampau pengkaji. Penggunaan Teori Metafora Konsepsi memberi penekanan terhadap penglahiran makna yang disampaikan oleh penulis syair ini.

Lakoff (1993) melalui penulisannya yang bertajuk *The Contemporary Theory Of Metaphor* telah menerangkan konsep metafora yang berbeza daripada aliran falsafah kepada bahasa. Metafora bukan sahaja aspek penting dalam bahasa tetapi berkaitan dengan pemikiran atau cara berfikir. Bahasa adalah aspek sekunder yang membolehkan penggunaan mandala sumber kepada mandala sasaran. Proses pemetaan ini adalah bersifat konvensional dan sentiasa berlaku serta atur dalam sistem konseptualisasi. Metafora dalam kajian linguistik kognitif adalah berbeza dengan konsep metafora sebelum ini yang menganggap metafora merupakan ekspresi linguistik semata-mata. Metafora dalam bidang linguistik kognitif melibatkan sistem konsepsi dan pemikiran manusia yang dipengaruhi oleh pengalaman badaniah dan unsur budaya serta kepercayaan dalam masyarakat. Sebagai contoh yang dikemukakan oleh Lakoff (1993) ekspresi linguistik seperti 'We can't turn back now' = Kita tidak boleh berpatah balik mengkonsepsikan hubungan cinta yang perlu diteruskan dan metafora konsepsi yang berhasil daripada ujaran ini ialah *LOVE IS A JOURNEY* = CINTA ADALAH SATU PERJALANAN. Berikut merupakan proses pemetaan yang menjadi teras kepada penghasilan metafora konsepsi;

**Rajah 1.0** Proses Pemetaan Domain



Melalui rajah 1.0, dapat dijelaskan bahawa metafora melibatkan dua domain, iaitu sumber (abstrak) dan sasaran (konkrit). Seperti syair merupakan salah satu perkara yang abstrak dan dibentukkan kepada konkret bagi menghasilkan konseptualisasi. Sekilas, Metafora terbahagi kepada dua jenis iaitu metafora konvensional dan metafora linguistik. Metafora Konvensional meliputi peribahasa, perbandingan, simpulan bahasa, bahasa kiasan, bidalan, ibarat, personifikasi, klise, perumpamaan, analogi, perpatah, sindiran, tamsil, metonimi dan hiperbola. Manakala metafora linguistik adalah ujaran, ayat, frasa atau kata yang bersifat metaforikal. Daripada pengzahiran metafora tersebut melahirkan metafora konsepsi. Semantik kognitif dalam syair nasihat diaplikasikan bagi mencari kesejagatann makna dalam membentuk sifat kemuliaan manusia.

### **Analisis dan Perbincangan**

Analisis dan perbincangan mengenai pembentukan metafora konsepsi dibahagikan kepada beberapa kemuliaan manusia mengikut rangkap yang telah disusun oleh penulis Muda Omar 'Ali Saifuddien. Analisis dibuat berdasarkan proses pemetaan domain dan konseptualisasi *Syair Nasihat*. Berikut merupakan contoh analisis yang dibuat terhadap empat data, (selebihnya dirujuk melalui Jadual 1.0);

Pertama Analisis Data 1 :

*Allah menjadikan sekalian kita  
Manusia namanya nyata  
Walih daripada makhluk yang lata  
Kemuliaan kita ada berserta*

**Rajah 1.0** Skema Metaforikal Data 1

Sumber	Sasaran
Allah menjadikan sekalian	-----► Tuhan
Manusia namanya nyata	-----► Makhluk
Walih daripada makhluk yang lata	-----► Berbeza
Kemuliaan kita ada berserta	-----► Akal Manusia

Berdasarkan **Rajah 1.0** merupakan skema metaforikal yang menunjukkan pemetaan abstrak kepada konkret. Bagi pemetaan pertama, iaitu **Allah menjadikan sekalian** disasarkan kepada Tuhan. Allah SWT ialah tuhan dan penciptaan bagi umat Islam. Allah SWT telah mencipta manusia dengan kemuliaan yang tiada pada makhluk lain. Pemetaan kedua, **Manusia namanya nyata** disasarkan kepada makhluk ciptaan Allah yang konkret tidak boleh diubah. Pemetaan ketiga, **walih daripada makhluk yang lata** disasarkan kepada berbeza kerana manusia merupakan makhluk yang berbeza dengan makhluk yang lain kerana pemilikan *akal*. Perspektif leksikal *walih* bermaksud berbeza. Seterusnya, Pemetaan keempat, iaitu **kemuliaan kita ada berserta** disasarkan kepada *akal manusia* kerana akal yang dimiliki oleh manusia mampu untuk berfikir. Banyak ayat Al-Quran yang menjelaskan tentang akal dan menyuruh menggunakan akal dalam kehidupan di dunia. Rasulullah S.A.W. bersabda, "yang pertama kali Allah SWT ciptakan adalah akal" (Aminuddin Mansor, 2009:4). Hal ini selari dengan makna yang disampaikan melalui bait syair ini. Baginda menekankan penciptaan kemuliaan manusia yang berbeza dengan makhluk yang lain. Perkara ini menunjukkan kemuliaan ialah akal yang menjadi berbeza dengan makhluk lain. Secara konseptualisasi, bait syair ini membentuk metafora konsepsi **MANUSIA ADALAH KELUHURAN MANUSIA.**

Seterusnya, Data 2;

*Pertama akal diberikan tuhan  
Mata dan mulut dijadikan bahan  
Telinga dan hidung serta kekuatan  
Supaya dapat berperusahaan*

**Rajah 2.0** Skema Metaforikal Data 2

Sumber	Sasaran
Pertama akal diberikan tuhan	-----► Anugerah Ilahi
Mata dan mulut dijadikan bahan	-----► Entiti utama
Telinga dan hidung	-----► Entiti utama
Kekuatan	-----► Tangan dan kaki
Berperusahaan	-----► Kehidupan

Berdasarkan skema metaforikal data 2, setiap pemberian Tuhan ialah anugerah ilahi yang merujuk kepada ciptaan Allah SWT yang sempurna walaupun ada cacat cela, namun setiap kecacatan ini diper mudahkan dengan cabaran dan dugaan serta ditukar melalui rezeki. Pemetaan pertama iaitu **Pertama akal diberikan tuhan** disasarkan kepada anugerah ilahi. Sebagai manusia ciptaan Allah SWT yang cukup sifat perlulah menghargai segala anugerah yang diberikan. Seterusnya, pemetaan kedua (**mata dan mulut dijadikan bahan**) dan ketiga (**Telinga dan hidung**) disasarkan kepada entiti utama. Entiti utama merujuk kepada kepentingan bagi mata, mulut, telinga, hidung, kaki dan tangan kerana anggota badan merupakan penghubung deria terus kepada akal manusia. Perkara ini akan membentuk tindak balas badan. Menurut Aminuddin Mansor (2009), Akal disebut dengan Fu'ad, sama ada bentuk tunggal mahupun gandaan, akal termasuk dalam salah satu daripada tiga peringkat ilmu pengetahuan; pendengaran, penglihatan dan fu'ad iaitu kalbu (hati). Setiap anugerah yang diberikan oleh Allah SWT menyuruh manusia supaya berusaha dalam menyempurnakan kehidupan di dunia dan akhirat.

*Allah SWT berfirman yang maksudnya. "Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuannya, sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggungjawabnya." (Surah Al-Isra' 15:36 dalam Aminuddin Mansor, 2009:4).*

Pemetaan keempat adalah **Kekuatan** disasarkan kepada tangan dan kaki kerana asas kekuatan bergantung kepada tangan dan kaki. Perkara ini merujuk kepada pergerakan yang tidak dibataskan dengan melakukan segala pekerjaan. Akhir sekali pemetaan bagi **Berperusahaan** disasarkan kepada kehidupan. Kehidupan merujuk kepada tata cara hidup yang diaturkan oleh manusia sendiri. Manusia ibarat kain putih yang akan mencorakkan kehidupan mereka dengan segala pengalaman, usaha dan kematangan. Secara konseptualisasi, bait syair ini membentuk metafora konsepsi **MANUSIA ADALAH ENITITI UTAMA KEHIDUPAN**.

Analisis ketiga, menerusi Data 3;

*Supaya dapat kita berikhtiar  
Menurut perintah-Nya janganlah ingkar  
Menjalankan usaha berserta sabar  
Tawakal kepada Allahuakbar*

### Rajah 3.0 Skema Metaforikal Data 3

Sumber	Sasaran
Kita berikhtiar	- - - - - Usaha Manusia
Menurut perintah-Nya janganlah ingkar	-----> Ketaatan
Menjalankan usaha berserta sabar Tawakal kepada Allahuakbar	-----> Dugaan -----> Berserah

Berdasarkan analisis Data 3, bagi domain sumber **Kita berikhtiar** disasarkan kepada usaha manusia. Ikhtiar merupakan salah satu usaha mencari penyelesaian atau jalan keluar daripada pelbagai masalah. Berikhtiar iaitu berusaha dan berdaya upaya

memperlihatkan usaha manusia sebagai hamba Allah S.W.T. yang sentiasa memperbaiki serta mendalami pelbagai ilmu serta amal. Kehidupan dicorak oleh diri manusia, segala pilihan dan kehendak adalah keputusan akal manusia. Keduanya, **menurut perintah-Nya janganlah ingkar** dipetakan sebagai ketaatan. Menerusi Sural Ali Imran ayat 110, Allah SWT berfirman;

*Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma’aruf, dan mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah. Sekiranya ahli kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka, di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik.*

Oleh itu, manusia perlu taat dengan perintah Allah SWT dan tidak melakukan perkara yang mungkar. Ketiganya, **menjalankan usaha beserta sabar** disasarkan kepada dugaan. Usaha dan sabar itu merupakan sifat manusia yang sentiasa belajar sama ada melalui pengalaman lepas atau persekitaran. Usaha merujuk kepada daya upaya dalam melakukan kerja dengan bersungguh-sungguh, manakala sabar adalah sikap manusia yang meletakkan nilai moral yang tinggi dengan melalui segala dugaan dengan berfikir dan membezakan perkara baik dan buruk. Keempat, **tawakal kepada Allah** disasarkan kepada berserah. Setelah pelbagai usaha dan dugaan dilalui manusia perlu bertawakal dengan segala corak kehidupan yang dibentuk. Setiap apa yang dilalui oleh manusia dan tidak tahu hasilnya, maka manusia perlu berserah. Oleh itu, konseptualisasi bagi bait syair ini menunjukkan bahawa **MANUSIA ADALAH HAMBA YANG TAKWA**.

Seterusnya, Data 4;

*Akal diberikan untuk berfikir  
Dapat membezakan tanah dan pasir  
Membezakan islam dan kafir  
Yang mana taat yang mana mungkir*

**Rajah 4.0** Skema Metaforikal Data 4

Sumber	Sasaran
Akal	-----> Pemikiran
Tanah dan pasir	-----> Kehalusan
Islam dan Kafir	-----> Hala Tuju
Taat dan mungkir	-----> Hukum

Berdasarkan analisis data 4, **Akal** disasarkan kepada pemikiran. Menurut Haji Abu Hassan Haji Ali (2005), tuhan telah menciptakan otak manusia dan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu kiri serta kanan. Fungsi bahagian kiri diperincikan sebagai pemikiran logik, berdasarkan fakta, data dan angka, bidang intelek, bahasa, kira-kira dan sains. Manakala bahagian kanan, merupakan pemikiran beremosi, imaginasi (gambaran kreatif), intuisi dan impian, iaitu bidang kesenian, sastera, seni lukis, muzik, drama dan tarian. Perkara ini dikuatkan lagi merujuk kepada pemetaan bagi **Tanah dan Pasir, Islam dan kafir**, serta **Taat dan mungkir** disasarkan kepada ilmu pengetahuan yang memperlihatkan kehalusan, hala tuju dan hukum. Pembuktian wujud merujuk kepada Surah Al-Imran :190 dalam Aminuddin Mansor (2009:5);

*Allah SWT meminta manusia berfikir dan menggunakan akal dengan bijaksana. Hal ini dijelaskan melalui ayat Al-Quran iaitu "Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi dan silih*

*bergantinya malam dan siang terdapat tanda bagi orang-orang yang berakal”.*

Ilmu pengetahuan itu terangkum dalam pemikiran melalui akal dalam membuat penilaian dan pandangan daripada diri manusia. Ilmu pengetahuan menjadi tunjang utama dalam membezakan makhluk lain, kerana ilmu dipelajari dari alam. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2014), yang memperlihatkan orang Melayu memiliki ilmu itu melalui pengalaman sehari-hari yang dipengaruhi oleh alam sekitar. Oleh hal demikian, baginda sebagai penulis menggunakan setiap pengalaman yang diterapkan sebagai ilmu menelusuri bait syair ini. Konseptualisasi data 4 ini membentuk metafora konsepsi **AKAL ADALAH PEMIKIRAN BERILMU**. Kemuliaan manusia itu terangkum dalam kehebatan diri manusia, segala yang lahir daripada diri manusia menunjukkan dan mencerminkan peribadi individu bergelar hamba Allah SWT.

**Jadual 1.0** Proses Pemetaan domain dan Konseptualisasi (Metafora Konsepsi)

Data	Syair	Pemetaan Domain (Sumber <b>dipetakan</b> Sasaran)	Konseptualisasi
5	<i>Dengan <b>akal</b> dapat membezakan, Intan dan batu dibandingkan, Emas dan perak dapat dipateri, Perkara yang sulit senang dimudahkan,</i>	<i>Akal <b>dipetakan</b> Perbezaan Intan dan batu <b>dipetakan</b> Kualiti Emas dan Perak <b>dipetakan</b> Kerjasama Perkara yang sulit senang dimudahkan <b>dipetakan</b> Penyelesaian</i>	AKAL ADALAH PENYELESAIAN
6	<i>Kedua <b>mata</b> untuk melihat Dapat memandang ke laut ke darat Tujuan betul tiada larat Membezakan bersih dengan karat</i>	<i>Mata <b>dipetakan</b> Pandangan Ke laut ke darat <b>dipetakan</b> Dunia Tujuan betul tiada larat <b>dipetakan</b> Niat Bersih dan karat <b>dipetakan</b> Sifat</i>	MATA ADALAH PANDANGAN DUNIA
7	<i>Menyatakan putih dan hitam Mengetahui siang dan malam Yang mana yakut yang mana nilam Yang mana akik yang mana pualam</i>	<i>Putih dan hitam <b>dipetakan</b> Coretan Hidup Siang dan malam <b>dipetakan</b> Masa Yakut dan Nilam <b>dipetakan</b> Ketinggian Nilai</i>	MATA ADALAH PENILAIAN

		<i>Akik dan pualam dipetakan Penilaian kualiti</i>	
8	<p><i>Dikurniakan-Nya <b>mulut</b> kepada kita</i>  <i>Dapatlah mengeluar sebarang kata</i>  <i>Menurut maksud dan cita-cita</i>  <i>Supaya didengar dengannya nyata</i></p>	<p><i>Mulut <b>dipetakan</b> Anugerah Ilahi</i></p> <p><i>Mengeluar Sebarang Kata <b>dipetakan</b> Ujaran</i></p> <p><i>Maksud dan Cita-cita <b>dipetakan</b> Tujuan/Mesej</i></p> <p><i>Didengar dengannya nyata <b>dipetakan</b> kejelasan</i></p>	MULUT ADALAH KEJELASAN UJARAN
9	<p><i>Hendaklah diingat kita di sana</i>  <i>Mengeluarkan madah hendaklah baina</i>  <i>Tutur bahasa biarlah kena Kepada sekalian mulia dan hina</i></p>	<p><i>Hendak diingat kita di sana <b>dipetakan</b> Anakanda Sultan</i></p> <p><i>Mengeluarkan madah hendaklah baina <b>dipetakan</b> Kesungguhan dalam ketelitian</i></p> <p><i>Tutur bahasa biarlah kena <b>dipetakan</b> Kesantunan</i></p> <p><i>Kepada sekalian mulia dan hina <b>dipetakan</b> Rakyat jelata</i></p>	MULUT ADALAH KESANTUNAN DALAM PENGHUJAHAN
10	<p><i>Jangan dipilih kepada sesiapa</i>  <i>Mengeluarkan madah hendaklah jaga</i>  <i>Perkataan halus mesti dipuja</i>  <i>Nama yang baik akan tersenja</i></p>	<p><i>Jangan dipilih kepada sesiapa <b>dipetakan</b> Kesaksamaan</i></p> <p><i>Mengeluarkan madah hendaklah jaga <b>dipetakan</b> Keadaban</i></p> <p><i>Perkataan halus mesti dipuja <b>dipetakan</b> Pemilihan Bahasa</i></p> <p><i>Nama yang baik akan tersenja <b>dipetakan</b> Dikenang</i></p>	MULUT ADALAH KEADABAN

11	<p><i>Akan mendapat nama yang harum Dari segala bangsa dan kaum Daripada bahasa nama tercantum Laksana bunga kembang sekuntum</i></p>	<p><i>Nama yang harum <b>dipetakan</b>Kemuliaan Bangsa dan kaum <b>dipetakan</b>Sanjungan Laksana bunga kembang sekuntum <b>dipetakan</b>Keindahan peribadi</i></p>	MULUT ADALAH KEINDAHAN PERIBADI
12	<p><i>Laksana bunga kembang di taman Sesiapa memandang hatinya tertawan Sukar dicari payah dilawan Menimbulkan suka hilanglah rawan</i></p>	<p><i>Laksana bunga kembang ditaman <b>dipetakan</b>Kemurnian Tutur Sesiapa memandang hatinya tertawan <b>dipetakan</b>Terkesima Sukar dicari payah dilawan <b>dipetakan</b>Kebijaksanaan Menimbulkan suka hilanglah rawan <b>dipetakan</b>Kegembiraan</i></p>	MULUT ADALAH KEGEMBIRAAN
13	<p><i>Mulut dan lidah yang ketiganya Kurnia Allah amat murahnya Besar gunanya kepada hamba-Nya Tiada dapat dinilai harganya</i></p>	<p><i>Mulut dan lidah <b>dipetakan</b> Anugerah Ilahi Besar gunanya kepada hamba-Nya <b>dipetakan</b> Kebesaran Ilahi Tidak dapat dinilai harganya <b>dipetakan</b> Kurniaan Semula Jadi</i></p>	MULUT ADALAH ENTITI TERNILAI
14	<p><i>Yang keempat yatim berkhabar Diberikan <b>telinga</b> untuk mendengarnya Jika tiada tentulah tulinya Tidak mendengar barang satunya</i></p>	<p><i>Telinga untuk mendengar <b>dipetakan</b> Anugerah Ilahi Jika tidak tentulah tuli <b>dipetakan</b> Pekak Tidak mendengar barang satunya <b>dipetakan</b> kepercayaan</i></p>	TELINGA ADALAH ALATAN KEPERCAYAAN
15	<p><i>Kelima <b>hidung</b> diberikan pula Dapatlah mencium segala-gala Jadi pedoman padamujala Jangan termakan benda yang cela</i></p>	<p><i>Hidung diberikan pula <b>dipetakan</b>Anugerah ilahi Mencium segala-gala <b>dipetakan</b> kenikmatan</i></p>	HIDUNG ADALAH KENIKMATAN

		<p><i>Pedoman padamujala dipetakan</i> <i>Teladan</i></p> <p><i>Termakan benda yang cela dipetakan</i> Penilaian keburukan</p>	
16	<p><i>Erti cela ialah busuk Jika termasuk jadi merasuk Dengan perciuman dapat menunjuk Benda yang baik atau tak elok</i></p>	<p><i>Erti cela ialah busuk dipetakan</i> Keburukan</p> <p><i>Jika termasuk jadi merasuk dipetakan</i> Negatif</p> <p><i>Perciuman dapat menunjuk dipetakan</i> Pertunjuk</p> <p><i>Benda yang baik atau tak elok dipetakan</i> Sifat</p>	HIDUNG ADALAH ENTITI PETUNJUK NEGATIF
17	<p><i>Keenam kaki berserta tangan Ditambah pula dengan kekuatan Kepada kita Allah kurniakan Akan membantu segala perbuatan</i></p>	<p><i>Kaki dan tangan dipetakan</i> Anugerah Ilahi</p> <p><i>Ditambah pula dengan kekuatan dipetakan</i> Keupayaan</p> <p><i>Akan membantu segala perbuatan dipetakan</i> Melakukan pekerjaan</p>	KAKI DAN TANGAN ADALAH KEUPAYAAN MELAKUKAN PEKERJAAN
18	<p><i>Kira tiada tangan dan kaki Tentulah kita merasa rugi Pekerjaan tiada dapat dipasti Susah melalui jambatan dan titi</i></p>	<p><i>Kira tiada tangan dan kaki dipetakan</i> Kecacatan</p> <p><i>Tentulah kita merasa rugi dipetakan</i> Kekecewaan</p> <p><i>Pekerjaan tiada dapat dipasti dipetakan</i> Kurang kebolehan</p> <p><i>Susah melalui jambatan dan titi dipetakan</i> Kesukaran</p>	TIADA TANGAN DAN KAKI ADALAH KESUKARAN
19	<p><i>Wahai anakanda malai suntingan Carilah ilmu panjang rundingan Fikir sempurna ditinggal jangan Ambillah ia buat pedoman</i></p>	<p><i>Wahai anakanda malai suntingan dipetakan</i>Anakanda Sultan</p> <p><i>Carilah ilmu panjang rundingan dipetakan</i>Pembelajaran</p>	AKAL ADALAH PEMBELAJARAN, PENGETAHUAN DAN PENGAJARAN

		<p><i>Fikir sempurna ditinggal jangan <b>dipetakan</b> Pengetahuan</i></p> <p><i>Aambilah ia buat pedoman <b>dipetakan</b> Pengajaran</i></p>	
20	<p><i>Tuhan memberi akal fikiran Buat membezakan manusia dan haiwan</i></p> <p><i>Kekuatan diberikan kaki dan juga tangan</i></p> <p><i>Berserta kekuatan dan kesihatan</i></p>	<p><i>Tuhan berikan akal fikiran <b>dipetakan</b> Anugerah Ilahi</i></p> <p><i>Buat membezakan manusia dan haiwan <b>dipetakan</b> Perbandingan Makhluk</i></p> <p><i>Kekuatan diberikan kaki dan juga tangan <b>dipetakan</b> Nilai Diri</i></p> <p><i>Kekuatan dan kesihatan <b>dipetakan</b> Kehidupan</i></p>	MANUSIA ADALAH KEMULIAAN
21	<p><i>Kekuatan diberi di dalam sihat Sebagai mata untuk melihat Sampai berusaha berbuat taat Di dalam dunia untuk akhirat</i></p>	<p><i>Kekuatan diberi di dalam sihat <b>dipetakan</b> Keupayaan Diri</i></p> <p><i>Mata untuk melihat <b>dipetakan</b> Pandangan Dunia</i></p> <p><i>Sampai berusaha berbuat taat <b>dipetakan</b> Keperibadian</i></p> <p><i>Di dalam dunia untuk akhirat <b>dipetakan</b> Amalan</i></p>	MANUSIA ADALAH ENTITI MENUJU AKHIRAT
22	<p><i>Gunakan segala pemberian Tuhan</i></p> <p><i>Di jalan kebajikan diperintahkan Usaha jangan diberhentikan Mencari rahmat yang dicucurkan</i></p>	<p><i>Guna segala pemberian Tuhan <b>dipetakan</b> Kesyukuran</i></p> <p><i>Dijalan kebajikan diperintahkan <b>dipetakan</b> Amalan</i></p> <p><i>Usaha jangan diberhentikan <b>dipetakan</b> Kesinambungan</i></p> <p><i>Mencari rahmat yang dicucurkan <b>dipetakan</b> Keberkatan</i></p>	MANUSIA ADALAH KEJAYAAN DUNIA AKHIRAT

Berdasarkan **Jadual 1.0** menunjukkan, pemetaan domain dan konseptualisasi yang memerlukan kemuliaan manusia. Berpandukan pemetaan domain abstrak kepada konkret memperlihatkan peranan setiap anggota badan dan intelaktual manusia yang dianugerahkan

ilahi diguna pakai dengan sempurna. Anugerah ilahi ini membentuk nilai dan tersemat kesan negatif dan positif. Tambahan lagi, penulis *Syair Nasihat* iaitu Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien menghasilkan pemikiran terhadap keintelaktuan Melayu. Secara tidak langsung menghasilkan kognitif sedemikian yang merujuk kepada kupasan data melalui kajian linguistik kognitif dan sastera. Setiap bait syair dikonseptualisasi mengikut kognitif penyampaian dan pembentukan domain. Hasil daripada konseptualisasi analisis menunjukkan kemuliaan manusia bergantung kepada peranan anggota dalam membentuk keintelaktuan Melayu dan menjadi seseorang khalifah di muka bumi Allah SWT berpaksikan Islam dan landasan dunia serta akhirat.

## Kesimpulan

*Syair Nasihat* merupakan pesanan Sultan Hj Omar 'Ali Saifuddien kepada anakanda putera puteri seterusnya kepada rakyat jelata yang mengisahkan tauladan kemanusia. Syair ini memerikan pesanan yang terbaik kerana segala penceritaan yang terkandung dalam syair ini adalah hasil tulen yang lahir daripada pengalaman dan fikrah baginda Sultan. Kajian ini telah memperlihatkan pesanan baginda melalui perihal semantik kognitif yang menzahirkan kemuliaan manusia. Kesemua 22 bait syair yang dianalisis membentuk konseptualisasi metafora yang memecahkan kod tersirat dan memerikan 22 konseptualisasi kemuliaan manusia. Peranan anggota badan dan intelektual manusia adalah saling bergantungan. Kebergantungan yang dinyatakan disasarkan kepada Akal sebagai pusat terkumpulnya ilmu pengetahuan, gambaran, daya upaya kekuatan, perbezaan, ketelitian, penilaian, sikap dan kesemua ini akan dinilai di akhirat kelak. Segala amalan yang dibuat oleh akal, mulut, mata, hidung, mulut, tangan, kaki, dan ilmu akan dibawa bersama. Penggunaan akal, mulut, mata, hidung, mulut, tangan, serta kaki merupakan metafora yang menjelaskan makna tersirat melalui kemuliaan manusia. Kemuliaan manusia ini jelas menjadi pemilikkan semula jadi yang membezakan antara makhluk yang lain (seperti haiwan dan tumbuhan). Syair Nasihat ini berjaya memperingatkan pembaca dengan membuka kognitif supaya sentiasa bersyukur dengan kurniaan ilahi.

## Bibliografi

- Aminudin Mansor. 2009 . Konsep "Akal Budi" dalam Sastera Melayu. *Jurnal Aswara*, 3-43
- Awang Bin Ahmad.1983. Sumbangan Seniman Diraja dalam Sastera Melayu Brunei dan Keahlian yang Menonjol dalam Penggunaan Bahasa. *Berita Harian*, 4 September 1983, hlm. 5.
- Aminah Haji Momin.2001. Pendidikan Moral dalam *Syair Nasihat*. *Bahana Brunei Dewan Bahasa dan Pustaka*, Bil 4/Jilid 2, hlm. 166-171
- Abdul Latif Haji Ibrahim. 2002. *Brunei Darussalam : Rintisan Sejarah dan Budaya*. Universiti Brunei Darussalam : Akademi Pengajian Brunei
- Haji Abu Hassan bin Haji Ali. 2005. *Ensiklopedia Pendidikan Sains Dalam Al-Quran*. Pulau Pinang : Rythm Consolidated Berhad
- Hashim Hj Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi & Siti Sarah Ab Karim.2012.

Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu Ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies*, 12(1), 163-182. Dicapai pada 20 April 2016, daripada [http://jurnalarticle.ukm.my/3269/1/pp\\_163\\_182.pdf](http://jurnalarticle.ukm.my/3269/1/pp_163_182.pdf)

Haji Kasim Haji Omar.2009. *Pemikiran Muda Omar 'Ali Saifuddien Khairi Waddien*. Brunei : Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei

Hishamudin Isam dan Norsimah Mat Awal. 2014. RUMUS  $kln+X+kln+Y \rightarrow Z$  DALAM MEMAHAMI PENGGUNAAN LEKSIS SETIA BERDASARKAN LINGUISTIK KOGNITIF. Jurnal Bahasa, 273-296. Dicapai pada 21 April 2016, daripada <http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2014/08/5-RUMUS-kln+-X--+setia--+kln+-+Y-%EF%80%A4-Z.pdf>

Haji Hashim Haji Abd. Hamid. 1999. *Cerocok Budaya Brunei*. Universiti Brunei Darussalam : Akademi Pengajian Brunei

Hassan Ahmad. 2003. *Metafora Melayu : Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Sungai Ramal Dalam: Akademi Kajian Ketamadunan

Harun Mat Piah. 1992. *Syair-syair Muda Omar 'Ali Saifuddien dari Pandangan Estetika dan Etika Islam*. Brunei: Universiti Brunei Darussalam.

Hajah Rayah binti Md. Ali. 1991. *Syair Perlembagaan : Satu Kajian dari Sudut Karya Seni*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam.

*Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2013. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

*Kamus Bahasa Melayu Brunei*. 2007. Brunei : Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.  
Lakoff, G. 1993. *The Contemporary Theory of Metaphor*. Dalam Andrew, O. (peyunting) *Metaphor and thought*, hlm. 202-251. Cambridge: Cambridge University Press.

Lakoff, G. 1992. *The Contemporary Theory of Metaphor*. Dicapai pada 20 Januari 2016, daripada <http://comphacker.org/comp/engl338/files/2014/02/A9R913D.pdf>

Muhammad Yusoff Hashim. 1992. Dalam Haji Kasim Haji Omar. 2009. *Pemikiran Muda Omar 'Ali Saifuddien Khairi Waddien*. Brunei : Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei

Nor Hashimah Jalaluddin. 2014. *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Ruzanna Md.Ruslan dan Rozaimah Rashidin. 2014. Skema Imej dan Metafora Konsepsi dalam Skrip Teater Wangi Jadi Saksi. *Jurnal Linguistik*, 18,010-024. Dicapai pada 20 April 2016, daripada <http://www.plm.org.my.pdf>

Rozaimah Rashidin. 2015. Metafora Konsepsi MARAH dalam Data Korpus Teks Tradisional Melayu. *Jurnal Linguistik*, 19, 029-047. Dicapai pada 12 April 2016, daripada <http://jurnal.plm.org.my/pdf>.

Tugas Kita Sebagai Hamba Allah dan Ummat Nabi. 2012. Dicapai menerusi  
<http://abudira.files.wordpress.com/2012/03/tugasan-kita-sebagai-hamba-allah1.pdf>  
pada 28 April 2016.

Za'ba (1934/ Edisi Ejaan Rumi Baharu, 2002, diperkenalkan oleh Asmah Haji Omar). Ilmu Pengarang Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Yura Halim. 2002. Ririsej Brunei Darussalam. Brunei. Brunei : Dewan Bahasa dan Pustaka

### Penghargaan

Kertas kerja ini merupakan hasil penyelidikan semasa menjalani latihan industri di Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam pada tahun 2016. Jutaan terima kasih kepada Pihak Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, dan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam dalam membantu menyiapkan kajian ini.

### Biodata;

**Muhammad Fadzillah Bin Hj Zaini** merupakan mahasiswa yang sedang menjalani latihan industri sebagai penyelidik akademik di Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam pada tahun 2016. Sekarang, menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai pelajar siswazah Sarjana Sains Sosial (Linguistik), Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa.

**Aini Hj Karim** merupakan pensyarah kanan, Program Bahasa Melayu dan Linguistik, dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam. Beliau dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang linguistik pada 3 Ogos 2004, dari Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Pengajian Moden pada 19 Ogos 1995, juga dari Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan kepujian kelas kedua atas (BA.Pen. [Hons] 2:1) pada 21 September 1989 dari Universiti Brunei Darussalam, dan Sijil Perguruan dari Maktab Perguruan Sultan Hasanal Bolkiah, Gadong pada tahun 1980. Bidang kepakaran beliau ialah Morfologi, Analisis Kesalahan Bahasa, Analisis Kontrastif, Semantik, Sosiolinguistik dan Perancangan Bahasa. Beliau bergiat aktif dalam penulisan dan penyelidikan bidang kebahasaan, terutama sekali dalam bidang linguistik terapan, sosiolinguistik dan semantik. Beliau juga sering membentangkan kertas kerja di seminar dan persidangan di dalam dan di luar negara. Artikel dan kertas kerja beliau juga termuat dalam *Jurnal Bahasa*, buku linguistik, dan prosedding seminar dan persidangan. Pernah menerbitkan sebuah buku, iaitu *Preposisi Bahasa Dusun dan Bahasa Melayu: Satu Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan*.